

UKM yakin peroleh pendapatan RM10 juta

Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yakin memperoleh pendapatan RM10 juta yang disasarkan menerusi 9,999 nombor plat pendaftaran kenderaan khas keluaran universiti itu.

Naib Canselornya, Profesor Dr Mohd Hamdi Abd Sukor berkata, keyakinan berdasarkan jumlah alumni seramai 215,000 orang yang sudah berjaya di pelbagai bidang masing-masing selain bidaan terbuka kepada orang ramai.

Beliau berkata, bidaan bermula 8 Januari 2020 yang menyaksikan digit tunggal UKM 1 hingga UKM 9 ditawarkan bermula RM100,000.

"UKM meletakkan sasaran RM10 juta namun sekiranya mencapai antara RM7 juta hingga RM8 juta juga sudah baik.

"Kita mempunyai alumni yang sudah berjaya di luar



ANTHONY (tengah) bersama Dr Mohd Hamdi (dua dari kanan) dan Shahrudin (kiri) pada Majlis Pelancaran Plat Kenderaan Khas UKM, semalam.

sana dan mereka adalah skop sasaran utama untuk membida plat khas kenderaan ini.

"Selain itu, abjad UKM di plat khas pendaftaran ini juga dijangka menarik minat orang ramai untuk memilikinya," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Pelancaran Plat Kenderaan Khas UKM yang dirasmikan Menteri Pengangkutan Anthony Loke Siew Fook, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Datuk Seri Shahrudin Khalid.

Mengulas lanjut, pelancaran plat khas kenderaan itu juga adalah bersempena sambutan Jubli Emas 50 tahun UKM tahun depan.

Beliau berkata, orang ramai berminat boleh melakukan bidaan di da.ukm.my yang dibangunkan universiti itu.